

# BMF berjaya turunkan harga barang

Oleh **NUR IZZATI IZZAH NADZI**  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 11 SEPT.

SEJAK kempen utamakan produk orang Islam atau 'Buy Muslim First' (#BMF) dilancarkan, harga barangan dikesan turun dengan men-

dadak, sekali gus memberi manfaat kepada semua pengguna termasuk bukan bumiputera.

Ketua Aktivitis Persatuan

Pengguna Islam Malaysia (PPIM), **Datuk Nadzim Johan** berkata, wujud 'puak' atau syarikat yang berpuluh-puluh tahun mengambil kesempatan dengan meletakkan margin keuntungan berlipat kali ganda daripada kos pengeluaran.

Jelasnya, sebagai contoh bagaimana satu jenama minyak masak yang cukup terkenal boleh menurunkan harga sehingga RM10 bagi minyak masak lima kilogram walaupun harga asal adalah sekitar RM20 hingga RM24.

"Tidak mungkin mereka sanggup menanggung kerugian hanya semata untuk memastikan produk mereka tidak terjejas dengan penurunan harga sebanyak itu. Ini bermakna mereka telah mengambil margin yang cukup besar iaitu RM10.

"Harga barangan sepatutnya lebih murah, namun kita sebagai pengguna telah ditipu sejak dahulu lagi terutama pada musim perayaan apabila harga bahan mentah dan barangan dapur dinaikkan sehingga melebihi dua kali ganda," katan-

ya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Tambah Nadzim, kempen yang dilakukan itu juga merupakan petunjuk bahawa ada antara peniaga yang mengambil kesempatan dan kempen ini dilihat berkesan untuk 'memaksa' mereka menurunkan harga barang.

Jelasnya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNKK) perlu mengambil tindakan tegas terhadap peniaga terbabit supaya penipuan seperti itu tidak berulang.

Katanya, syarikat yang menjadi 'penipu' harus dikenal pasti agar tindakan mengambil keuntungan berlebihan ini tidak menjadi budaya dalam kalangan peniaga.

"Saya menyeru kepada pengguna untuk meneruskan kempen ini dan sokong produk keluaran orang Islam yang membayar zakat agar timbul kesedaran lebih tinggi terhadap pengguna supaya tidak tertipu lagi dengan harga barang naik," ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), **Mohd. Yusof Abdul Rahman** berkata, syarikat produk keluaran bukan bumiputera terpaksa menurunkan harga untuk menyaingi produk muslim kerana mereka tidak mahu mengalami kerugian.



**NADZIM JOHAN**



**MOHD. YUSOF**